

Bachelet didesak keluar laporan penderaan di Xinjiang

BERITA HARIAN ms:30 19/6/2022

Hampir 50 negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini mengeluarkan kenyataan bersama yang mengkritik kekejaman China terhadap etnik Uighur dan menggesa ketua hak asasi manusia PBB, Michelle Bachelet, mengeluarkan laporan yang sudah lama tertunggak mengenai penderaan di Xinjiang.

Paul Bekkers, wakil tetap Belanda ke pejabat PBB di Geneva menyampaikan kenyataan itu bagi pihak 47 negara turut mengatakan bahawa negara anggota 'amat prihatin' mengenai situasi hak asasi manusia di Wilayah Autonomi Uighur Xinjiang (XUAR).

Bekkers juga memetik laporan yang sudah diselidik dan boleh dipercayai mengenai penahanan lebih 1.8 juta etnik Uighur dan minoriti Turki yang diletakkan dalam pengawasan ketat, diskriminasi dan sekatan yang teruk terhadap budaya serta kebebasan beragama yang dihadapi kumpulan itu di sana.

"Kami juga bimbang mengenai laporan penyeksaan dan layanan atau hukuman lain yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau merendahkan maruah, pensterilan paksa, keganasan seksual dan jantina, kerja paksa dan pengasingan paksa kak-kanak daripada ibu bapa mereka oleh pihak berkuasa," katanya.

Bekkers juga berkata, negara anggota 'sangat bimbang' mengenai keadaan hak asasi manusia

akses anda kepada ahli masyarakat sivil dan tempat pilihan anda," katanya.

Bagi laporan tertunggak mengenai penyalahgunaan di Xinjiang, Bachelet memaklumkan Majlis Hak Asasi Manusia pada September 2021 bahawa pejabatnya sedang memuktamadkan penilaian maklumat mengenai dakwaan pencabulan hak.

Tiga bulan kemudian, seorang jurucakap berkata, laporan itu akan dikeluarkan dalam masa beberapa minggu, tetapi ia tidak pun dikeluarkan.

Kongres Uighur Sedunia (WUC) turut memuji pengeluaran kenyataan itu dan berkata, mereka gembira melihat banyak negara dari Amerika Latin dan Pasifik menandatangani, walaupun usaha itu melalui situasi pahit dan manis.

"Namun, seperti masa lalu, tidak ada satu pun negara Islam dalam kalangan mereka. Ia sangat tragis," kata Naib Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif WUC, Semet Abla.

Bagaimanapun Presiden WUC, Dolkun Isa menegaskan bahawa bilangan negara anggota PBB yang menyokong Uighur terus meningkat dengan 47 daripadanya menyokong kenyataan mengkritik kekejaman China terhadap etnik Uighur, berbanding 43 menunjukkan sokongan untuk isu Uighur pada 2021 dan 14 pada 2018.

"Malah, Israel antara yang menandatangani kenyataan itu. Walaupun Turki tidak menandatangani

ni kenyataan itu, ia mengeluarkan kutukan dan teguran keras terhadap kem tahanan China," katanya.

Baru-baru ini, Bachelet memberitahu pegawai yang menghadiri sesi Majlis Hak Asasi Manusia bahawa beliau membangkitkan kebimbangan mengenai situasi hak asasi manusia mengenai Uighur dan minoriti lain yang kebanyakan Islam di Xinjiang dalam sesi lawatannya.

"Penilaian pejabat saya mengenai situasi hak asasi manusia di Xinjiang sedang dikemas kini. Ia akan dikongsi dengan kerajaan untuk ulasan fakta sebelum diterbitkan," katanya dalam kemas kini lisan pada sesi itu.

Bachelet juga berkata, pejabatnya dan kerajaan China turut bersetuju untuk mengadakan mesyuarat kanan-tahunan mengenai hak asasi manusia dan meneruskan pertukaran maklumat mengenai isu hak asasi manusia yang membimbangkan.

"Kami kini sedang menghuraikan langkah konkrit dalam pelaksanaan perjanjian itu," katanya.

Pengarah China Human Rights Watch, Sophie Richardson, yang berpangkalan di New York pula menyatakan bahawa Bachelet memaklumkan akan mengeluarkan laporan itu sebelum penghujung penggalnya berakhir pada Ogos atau September.

"Pasti kami berharap beliau meneruskannya. Kami agak ragu-ragu, tetapi bagaimanapun masih berpandangan bahawa adalah sangat penting un-

yang semakin merosot di Hong Kong dan Tibet.

Dalam kenyataan itu, mereka menggesa China untuk menghormati kedaulatan undang-undang, melindungi hak asasi manusia, menyediakan akses tanpa halangan untuk pemerhati bebas ke Xinjiang dan menghormati prinsip *non-refoulement* yang menghalang orang yang mempunyai hak untuk diiktiraf sebagai pelarian berbanding dipulangkan secara paksa ke negara di mana mereka boleh dicerederakan.

Kenyataan dari negara anggota itu dibuat lebih dua minggu selepas Bachelet yang juga bekas Presiden Chile yang berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia sejak 2018, mengakhiri lawatan enam hari ke China pada Mei, termasuk singgah di wilayah barat, Xinjiang.

Pada taklimat berita selepas lawatan itu, Bachelet, 70, berkata, beliau tidak berada di China untuk siasatan rasmi mengenai situasi di Xinjiang, walaupun berkata beliau mempunyai akses 'tanpa pengawasan' oleh sumber yang diaturkan PBB untuk bertemu di sana.

Kumpulan hak asasi manusia Uighur bagaimanapun menuntutnya meletak jawatan selepas mereka mengatakan Bachelet mengulangi apa dinyatakan China, malah beliau tidak dapat menilai secara skala penuh apa yang Beijing gelar sebagai 'pusat pendidikan dan latihan vokasional' di Xinjiang, sedangkan ia adalah kem tahanan.

Bekkers berkata, Beijing harus menghentikan penahanan sewenang-wenangnya dan segera membebaskan mereka yang ditahan, menamatkan sekatan perjalanan dan memulakan penyiasatan yang tidak berat sebelah terhadap dakwaan profil kaum, etnik dan etno-agama, yang menjadi antara lapan syor berkaitan Xinjiang yang dikeluarkan pada Ogos 2018 oleh Jawatankuasa mengenai Penghapusan Diskriminasi Kaum menerusi pejabat Bachelet.

Wakil tetap Belanda ke pejabat PBB itu turut mendesak Bachelet mendedahkan lebih banyak maklumat mengenai lawatannya ke China.

"Kami berminat dengan pemerhatian yang lebih terperinci, termasuk sekatan yang dikenakan pihak berkuasa China terhadap lawatan itu serta


Negara anggota 'sangat bimbang' mengenai keadaan hak asasi manusia yang semakin merosot di Hong Kong dan Tibet

turut mendengar Pejabat Hak Asasi Manusia PBB menawarkan penilaiannya berdasarkan pemantauan jarak jauh terhadap apa yang *Human Rights Watch* anggap sebagai jenayah terhadap kemanusiaan yang menyasarkan Uighur dan komuniti Turki yang lain," kata Richardson kepada RFA.

Bachelet pada Isnin lalu turut berkata, beliau tidak akan memohon penggal kedua atas sebab peribadi, malah memberitahu pemberita keputusannya itu tidak ada kaitan dengan kritikan terhadap perjalanannya ke China.

"Memandangkan penggal saya sebagai Pesuruhjaya Tinggi semakin hampir, sesi ke-50 majlis ini adalah yang terakhir taklimat saya," katanya.

AGENSI



Lebih 1.8 juta etnik Uighur dan minoriti Turki diletakkan dalam pengawasan ketat, diskriminasi dan sekatan teruk terhadap budaya serta kebebasan beragama di China.

(Foto hiasan)